

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8282

SOALAN:

Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah membendung aktiviti penyeludupan senjata api dari luar negara terutamanya di sempadan Thailand-Malaysia. Pihak Kementerian juga diminta mencari jalan bagaimana kaedah untuk menghalang kemasukan komponen senjata api secara *piece by piece* yang sukar dikesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat peka tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai diseludup masuk ke negara ini melalui sempadan Negara. Pelbagai langkah yang telah diambil bagi mengawal kemasukan senjata api secara haram khususnya melalui sempadan negara seperti:-

- i) Mengadakan kerjasama dengan negara-negara ASEAN berkaitan Trans Border Crime yang mana agenda penyeludupan senjata api diberi perhatian serius dan setiap ahli menandatangani *'protocol against the illicit manufacturing and the trafficking in firearms, their parts and components and ammunition; supplementing the United Nations Convention against Transnational Organised Crime'*.**
- ii) Menggalakkan pertukaran maklumat antara Negara ahli melalui sekretariat ASEANAPOL atau melalui e-ADS (*Aseanapol Data System*) perkara berkaitan penyeludupan senjata api.**

- iii) Menggalakkan negara-negara ahli berkongsi pengalaman dan amalan baik dalam usaha mencegah dan membanteras penyeludupan senjata api.**
- iv) Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dalam negara seperti Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan (AKS) untuk meningkatkan lagi penguatkuasaan di sempadan Negara.**
- v) Membuat perolehan untuk mesin pengimbas (*scanner machine*) yang lebih moden dan canggih untuk ditempatkan di semua pintu masuk dalam Negara.**
- vi) Mempertingkatkan lagi Ops Laras dan Ops Api bagi mengesan senjata api yang diseludup dan yang berada dalam Negara.**
- vii) Bagi pelan tindakan keselamatan sempadan Malaysia-Thailand yang dirancang dan telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-**
 - a) Pembahagian semula kawasan tanggungjawab Op Wawasan Kedah-Perlis oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) dari Bukit Kayu Hitam sehingga Bukit Batu Putih sepanjang 116.3 Km dengan melaksanakan rondaan**

jarak jauh di sempadan yang dikenalpasti sebagai sarang penjenayah dan penyeludup;

- b) Rondaan bersama Pasukan Polis Marin secara berkala di Sungai Golok bagi memastikan aktiviti penyeludupan dapat dibanteras;**
- c) Mewujudkan Unit Risikan Sempadan dengan kerjasama Cawangan Khas, JSJ, dan JSJN di sepanjang sempadan; dan**
- d) Cadangan pemasangan CCTV dan penggunaan Metal Detector di setiap pintu masuk utama negara.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN : 26

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional kelulusan diberi olehnya kepada Yayasan Patriot Negara Malaysia (YPNM) untuk menjual siri plat PATRIOT secara eksklusif tanpa adanya tender terbuka dipanggil walaupun Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri berupaya untuk menjualkan siri plat kereta tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian dan pendaftaran nombor pendaftaran kenderaan adalah tertakluk di bawah Subseksyen 11(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang memperuntukkan bahawa sesebuah kenderaan motor yang didaftarkan hendaklah diperuntukkan tanda indeks yang menunjukkan kawasan pentadbiran atau status pemunya kenderaan motor itu dan nombor pendaftaran bagi kenderaan tersebut. Selaras dengan peruntukan tersebut juga, Kaedah 5A, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 memperuntukkan bahawa apa-apa kenderaan motor yang terpilih boleh diberikan sesuatu nombor pendaftaran khas yang terdiri daripada tanda indeks dan nombor. Menteri Pengangkutan diperuntukkan kuasa di bawah kaedah tersebut untuk mengeluarkan dan memberikan nombor pendaftaran khas sepertimana *BAMbee*, *Proton* dan Jalur Gemilang II yang dikeluarkan sebelum ini.

Tuan Yang Dipertua,

Yayasan Patriot Negara Malaysia (YPNM) adalah badan bukan Kerajaan yang ditubuhkan bukan berasaskan keuntungan. Objektif utama penubuhan YPNM adalah untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira umur, agama, dan bangsa. Justeru, kelulusan nombor pendaftaran khas PATRIOT yang dipohon oleh YPNM adalah sebagai sokongan Kerajaan kepada usaha dan komitmen yayasan tersebut dalam memupuk dan memperkasakan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia.